

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 MAC 2016

RUJUKAN : 8767

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengurangkan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin di Malaysia kerana kehadiran 3.5 juta PATI sedang menjejaskan paras gaji pekerja am tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya tegaskan bahawa kerajaan tidak mempunyai data bagi bilangan PATI yang berada dalam negara. Sehubungan itu, dakwaan bahawa tedapat seramai 3.5 juta PATI adalah tidak benar.

Bagi membendung dan menangani isu PATI di Malaysia, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan penguatkuasaan secara konsisten dan berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir PATI yang masih berada dalam negara. Tindakan tegas juga akan dikenakan ke atas majikan yang didapati melanggar Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 seperti menggaji dan melindungi PATI.

Tuan Yang di-Pertua,

Tindakan-tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah PATI boleh dikategorikan kepada 2 peringkat iaitu sebelum masuk ke negara dan setelah berada dalam negara.

- 1. Sebelum masuk ke Malaysia, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:**
 - i) memperketatkan kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk ke negara;**

- ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka (*return ticket*) di samping menasihatkan mereka agar mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini; dan
 - iii) pengawasan di sepanjang pesisiran perairan negara dipertingkatkan, iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kerajaan juga sentiasa memantapkan usaha-usaha risikan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat penyeludupan di sempadan darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan Pasukan Gerak Am (PGA).
2. Manakala setelah berada dalam negara, tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti berikut:
- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan

- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing, seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing dan institusi yang mengambil pelajar antarabangsa.**

- 3. Lanjutan dari itu, operasi penguatkuasaan ini juga telah diperkasakan lagi dengan pelaksanaan Pelan Penguatkuasaan PATI Secara Holistik yang bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka melalui kerjasama dan kesedaran masyarakat setempat. Kekuatan Pelan ini adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan.**